



MEMO

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI



Rujukan Kami: AADK 500-6/1/1 JLD.2 (1)

Tarikh: 8 Ogos 2023

KEPADA	SEMUA PENGARAH BAHAGIAN / KETUA UNIT IBU PEJABAT SEMUA PENGARAH AADK NEGERI SEMUA PENGARAH PUSPEN PENGARAH PLAK
MELALUI	KP, TKP(P), TKP(O)
DARIPADA	PKP
PERKARA	HEBAHAN JADUAL PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN SUBJEK JABATAN (PPSJ) SIRI 2 TAHUN 2023 BAGI SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI ANTIDADAH GRED S41, PENOLONG PEGAWAI ANTIDADAH GRED S29 DAN PEMBANTU ANTIDADAH GRED S19

Tuan / Puan,

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jadual Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan (PPSJ) Agensi Antidadah Kebangsaan, Kementerian Dalam Negeri bagi Skim Perkhidmatan Pegawai Antidadah Gred S41, Penolong Pegawai Antidadah Gred S29 dan Pembantu Antidadah Gred S19 Siri 2 Tahun 2023 akan dimuat naik ke laman sesawang www.adk.gov.my pada **10 Ogos 2023**.

3. Semua calon peperiksaan bagi tahun 2023 perlu mengambil perhatian terhadap tarikh peperiksaan yang akan dijalankan. Kerjasama semua Pengarah Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah dimohon agar memuat turun jadual berkenaan dan diedarkan kepada pegawai masing-masing.

4. Bagi pegawai lantikan baharu, calon boleh mengakses sistem e-Peperiksaan di laman sesawang AADK melalui capaian URL <https://epeperiksaan.adk.gov.my> bagi tujuan pendaftaran.

5. Tarikh bagi permohonan untuk menduduki **Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan (PPSJ) Siri 2/2023** akan dibuka bermula **14 Ogos 2023 (Isnin)** sehingga **tarikh tutup permohonan** pada **30 Ogos 2023 (Rabu)**. Peperiksaan ini adalah merupakan peperiksaan perkhidmatan yang perlu diambil oleh Pegawai lantikan baharu bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.

6. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, boleh menghubungi :

URUS SETIA PEPERIKSAAN

- | | | |
|--|---|----------------|
| i. Encik Mohd Noh Hafifie bin Mapatoba | : | 03 – 8911 2373 |
| ii. Puan Jamilah binti Ahmad | : | 03 – 8911 2291 |
| iii. Puan Suhaidda binti Sulaiman | : | 03 – 8911 2292 |
| iv. Puan Nor Azwati Azlin binti Rahim | : | 03 – 8911 2290 |

atau e-melkan ke exam@adk.gov.my

7. Kerjasama dan perhatian tuan / puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“DADAH TERKAWAL 2025”



(HAJI AHMAD MUSADAD BIN HAJI SULAIMAN)



JADUAL PEPERIKSAAN AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN TAHUN 2023

BIL	GRED	KOD	TARIKH TUTUP PEROHONAN DAN TARIKH PEPERIKSAAN				MASA
			SIRI PERTAMA		SIRI KEDUA		
			TARIKH TUTUP PERMOHONAN	TARIKH PEPERIKSAAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN	TARIKH PEPERIKSAAN	
PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN SUBJEK JABATAN (PPSJ) (Pengesahan Dalam Perkhidmatan)							
1	PEGAWAI ANTIDADAH GRED S41	S410C					
2	PENOLONG PEGAWAI ANTIDADAH GRED S29	S290C	03.02.2023 (SELASA)	22.02.2023 (RABU)	30.08.2023 (Rabu)	04.10.2023 (RABU)	9:30 AM - 10:45 AM (1 jam 15 minit)
3	PEMBANTU ANTIDADAH GRED S19	S190B					

PANDUAN:

- Calon yang layak digalakkan memohon seawal mungkin sebelum tarikh tutup permohonan.
- Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak. Sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.
- Calon yang tidak mendaftar tidak dibenarkan menduduki peperiksaan.
- Maklumat yang dikemukakan oleh pemohon hendaklah benar dan lengkap. Sekiranya didapati maklumat yang diberikan tidak benar, keputusan peperiksaan berkenaan akan terbatal.
- Calon hendaklah membawa bersama slip arahan menduduki peperiksaan dan kad pengenalan semasa menghadiri peperiksaan.
- Calon tidak dibenarkan menukar pusat peperiksaan kecuali dengan kebenaran urus setia.
- Calon-calon **DIWAJIBKAN BERPAKAIAN PEJABAT SEMASA MENGHADIRI PEPERIKSAAN**. Jika tidak mengikut peraturan, Ketua Pengawas boleh menghalang calon-calon daripada menduduki peperiksaan.

SILA RUJUK SUKATAN PEPERIKSAAN BAGI PERINCIAN KANDUNGAN SETIAP BAHAGIAN PEPERIKSAAN

UNIT PEMBANGUNAN PRESTASI DAN KOMPETENSI
AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN

